



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



TARBIATUNA

JAWATANKUASA TARBIAH - IKRAM MALAYSIA

Bil Keluaran : 04 Siri : 1435H/03 Edaran untuk ahli IKRAM sahaja

Bulan Rejab - Syaaban - Ramadan 1435H (Mei-Julai 2014)

Ahlan ya Ramadan

Ustaz Dr Mohd Parid Sheikh Ahmad,
Presiden IKRAM

**Ramadan
Bulan Perjuangan**

Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria,
Pengerusi JK Tarbiah Pusat

**Ramadan dan
Kebangkitan Umat**

Ustaz Abd Muhaimin Mohammad Shahar,
Konsultan JK Tarbiah Pusat

**Sentuhan Al-Quran
di bulan Ramadan**

شَهْرُ رَمَضَانَ أَنْزَلْنَا فِيهِ الْقُرْآنَ

(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan yang
padanya diturunkan Al-Quran, (Al Baqarah : 185)



TARBIATUNA

JAWATANKUASA TARBIAH PUSAT
- PERTUBUHAN IKRAM MALAYSIA -

Penaung

- Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria

Editor

- Azamuddin Mohd Maarof

Penulis Tetap:

- Ustaz Dr Mohd Parid Sheikh Ahmad
- Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria
- Sheikh Mohamed Hamed Elawa
- Ustaz Muhaimin Mohamad Shahr

Penulis Jemputan:

- Hj Nicholas Sylvester
- Ustaz Zawawi Ali
- Datin Paduka Che Asmah Ibrahim
- Ustazah Maznah Daud
- Ustazah Kamaliah Noordin
- Ustazah Dr Azizah Mohd Radzi

Susunatur/Grafik

- Hanafi Sudi@Yusoff

Diterbitkan oleh :

Jawatankuasa Tarbiyah Pusat,
Pertubuhan IKRAM Malaysia
(IKRAM),
Tel + 603 - 8945 6999,
. + 603 - 8945 3666
Fax +603 - 8945 1772
tarbiatuna.ikram@gmail.com

Dicetak oleh :

Mashi Publication Sdn Bhd
Tel: 03-9076 6311
Fax: 03-9075 4311
mashipublication@yahoo.com

RAMADAN DAN ERTI KEMENANGAN

Alhamdulillah segala puji bagi Allah sekalian alam serta salawat dan salam kepada junjungan yang mulia iaitu Nabi Muhammad s.a.w.

Bersyukur kepada Allah kerana Buletin Tarbiatuna yang baru diterbitkan semakin mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada ahli IKRAM di seluruh negara meskipun ringkas tetapi padat dengan isi yang bersifat tarbawi. Mungkin ada beberapa kekurangan di dalam terbitan yang lalu. Walau bagaimanapun, Insya Allah kami akan sentiasa berusaha untuk membaiki dan meningkatkan mutu penerbitan di masa akan datang. Kami juga membuka ruang untuk ahli memberikan komen, pandangan dan juga mengalu-alukan sebarang sumbangan untuk memastikan kesinambungan Buletin ini. Kami juga ingin maklumkan bahawa Buletin siri 1-3 boleh dimuat turun melalui laman web IKRAM.

Pada keluaran ini Buletin Tarbiatuna akan memfokuskan kepada tarbiyah Ramadan. Tarbiyah untuk membangunkan sifat rabbani dan perjuangan yang tinggi kepada Allah s.w.t. Ini sesuai dengan makna "Ramadan" bererti membakar, menyengat kerana terik, atau sangat panas. Ramadan juga bermaksud sebagai bulan untuk 'mengasah' jiwa, 'mengasah' ketajaman fikiran dan kejernihan hati, sehingga dapat 'membakar' sifat-sifat tercela dan 'lemak-lemak dosa' yang ada dalam diri kita. Untuk kita menghayati makna Ramadan sangat penting untuk kita memahaminya dari perspektif nama-nama lain yang dinisbahkan kepadanya oleh para ulama di antaranya adalah seperti berikut:

1. Syahr al-Quran (bulan al-Quran), kerana pada bulan inilah al-Quran pertama kali diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. Selain itu, kitab-kitab suci yang lain: Zabur, Taurat, dan Injil juga diturunkan pada bulan yang sama.
2. Syahr al-Shiyam (bulan wajib berpuasa), kerana hanya Ramadan merupakan bulan di mana umat Islam diwajibkan berpuasa selama sebulan penuh. Dan hanya Ramadan, satu-satunya, nama bulan yang disebut dalam al-Quran. (Al-Baqarah: 185).
3. Syahr al-Tilawah (bulan membaca al-Quran), kerana pada bulan ini Jibril AS menemui Nabi s.a.w untuk melakukan tadarus al-Quran bersama Nabi dari awal hingga akhir.
4. Syahr al-Rahmah (bulan penuh limpah dan rahmat dari Allah s.w.t), kerana Allah menurunkan berbagai rahmat yang tidak dijumpai di luar Ramadan. Pintu-pintu kebaikan yang mengantarkan kepada syurga dibuka seluas-luasnya.
5. Syahr al-Najat (bulan pembebasan dari siksa neraka). Allah menjanjikan pengampunan dosa-dosa dan pembebasan diri daripada siksa api neraka bagi yang berpuasa kerana iman dan semata-mata mengharap redha-Nya.
6. Syahr al-Juud (bulan kedermawanan), kerana bulan ini umat Islam dianjurkan banyak bersedekah, terutama untuk meringankan beban fakir dan miskin. Nabi s.a.w memberi teladan terbaik sebagai orang yang paling dermawan pada bulan suci.
7. Syahr al-Shabr (bulan kesabaran), kerana puasa melatih seseorang untuk bersikap dan berperilaku sabar, berjiwa besar, dan tahan ujian.
8. Syahr Allah (bulan Allah), kerana di dalamnya Allah melipatgandakan pahala bagi orang berpuasa.

Alhamdulillah ikhwah dan akhawat daripada nama-nama tersebut dapatlah difahami bahawa bulan Ramadan adalah bulan yang penuh dengan makna menuju kepada kemenangan. Kemenangan setelah sebulan kita berhadapan dengan pelbagai ujian dan rintangan untuk meraih keuntungan yang berlipat ganda yang disediakan oleh Allah.

Akhirnya kita akan bertemu dengan hari raya Eidulfitri yang dinamakan sebagai Syahr al-'Id (bulan yang berakhir dengan hari raya) yang bermaksud kembali kepada fitrah, kembali kepada kesucian agama yang benar, hari di mana kita memperoleh keampunan dan keredhaan dari Allah s.w.t sehingga kita mencapai apa yang dijanjikan oleh Allah menikmati keindahan syurgaNya. Inilah hakikat Eidulfitri yang mengisyaratkan adanya upaya manusia untuk kembali ke pangkuan Tuhannya iaitu Allah s.w.t itu sendiri. Kembali kepada Tuhan dalam keadaan putih bersih setelah melakukan taubat nasuha.

Mudah-mudahan dengan tarbiyah Ramadan ini akan mengerakkan ikhwah dan akhawat untuk terus bergiat aktif bersama gerakan dakwah dan tarbiyah yang kita kasihi ini.

Wallahua'lam.

Editor





RAMADAN BULAN PERJUANGAN

~ رمضان شهر الجهاد ~

Ustaz Dr Mohd Parid Sheikh Ahmad, Presiden IKRAM

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Sekali lagi kita berkesempatan menyambut bulan Ramadan yang penuh barakah pada tahun hijrah 1435, seluruh umat Islam berpeluang mendapatkan kebaikan-kebaikan yang dijanjikan Allah s.w.t sepanjang bulan ini.

ia merupakan bulan yang sepatutnya dipenuhi dengan kegiatan-kegiatan amal soleh yang akan mempergandakan ganjaran Allah s.w.t sepuluh kali ganda berbanding dengan bulan-bulan yang lain, selain daripada pembasmian dosa-dosa lampau apatah lagi terdapat di dalamnya satu malam (lailatul al-qadar) yang lebih baik daripada seribu bulan (ganjaran amal soleh di dalamnya dipergandakan lagi sebanyak 10 X 1,000 bulan)

Lantaran itu umat Islam dituntut berjuang, berusaha dengan bersungguh-sungguh sepanjang bulan Ramadan melipat gandakan amal-amal solih, memperbaiki diri dan menyantuni keluarga, lingkungan dan masyarakat dengan amal-amalan kebaikan dan kebajikan agar kita menjadi umat yang bertakwa sebagai balasan Allah s.w.t pada penghujungnya.

Allah s.w.t berfirman:

” يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ
” كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

“ Wahai orang-orang yang beriman, telah diwajibkan keatas kamu (ibadat) puasa seperti mana ia telah diwajibkan keatas orang-orang yang terdahulu daripada kamu agar kamu bertaqwa “(Al-Baqarah : 183)

Kita semuanya dituntut di dalam bulan Ramadan menunaikan ibadat puasa wajib sepanjang sebulan, membayar zakat fitrah untuk diagih-agihkan kepada lapan golongan yang berhak terhadapnya, memperbanyakkan sedekah kepada golongan-golongan yang memerlukan bantuan sama ada yang jauh atau dekat, memperbanyak membaca dan memahami isi

kandungan kitab suci al-Quran, hadis-hadis Nabi, dan buku-buku yang bermanfaat, melaksanakan sembahyang sunat terawih secara bersendirian atau berjamaah, memperbanyak ibadat tengah malam, qiamullail, berzikir, memuji serta mengagungkan Allah s.w.t, menyediakan juadah dan minuman berbuka puasa kepada golongan yang berpuasa, mempertingkatkan amal dan ibadah sepanjang sepuluh hari terakhir bulan Ramadan tersebut, beriktikaf di masjid-masjid dan lain-lain.

Rasulullah s.a.w menerusi hadisnya menyatakan kepada kita:

”أولها رحمة وأوسطها مغفرة و آخرها عتق من النار“

“ Sepuluh hari pertama bulan Ramadan merupakan hari-hari yang dipenuhi rahmat, sepuluh hari di-tengah-tengahnya merupakan hari-hari yang dipenuhi pengampunan dan sepuluh hari terakhirnya dipenuhi janji pembebasan dari api neraka.”

Berdasarkan tuntutan Allah s.w.t ke atas umat sepanjang bulan Ramadan, jelaslah kedudukannya sebagai bulan jihad, bulan melipat gandakan amal-amal soleh, memperteguh keazaman memperbaiki diri, memperteguh hubungan dengan Allah s.w.t, mempererat hubungan dengan manusia terutama dengan keluarga terdekat dan yang jauh, golongan-golongan yang memerlukan bantuan dan santunan kita, apatah lagi dengan kedatangan hari raya puasa yang hampir-hampir menjelang tiba.

Semoga bulan Ramadan tahun ini akan membebaskan diri kita semua dari semua jenis dosa, belunggu kehidupan, membebaskan ummah seluruh dunia dari semua rintangan yang menghalangnya mencapai kemajuan, kemuliaan dan kemenangan dalam sejarah kehidupannya masa kini dan masa hadapan.



RAMADAN DAN KEBANGKITAN UMAT

Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria, Pengerusi JK Tarbiah Pusat



Bagaimana Ramadan membina umat Islam hingga mereka layak menjadi anasir penting untuk kebangkitan umat? Untuk memahami persoalan di atas, kita mesti merujuk kepada sisi sejarah penting sekitar kefardhuan puasa Ramadan. Bila puasa telah difardhukan? Puasa Ramadan difardhukan kepada umat Islam pada 2hb Sya'ban tahun kedua hijrah. Pada bulan yang sama juga telah difardhukan empat perkara penting iaitu:

1. Fardhu puasa Ramadan.
2. Kewajipan zakat..telah difardhukan di Mekah, tetapi belum ditentukan nisab dsb. Detailnya ditetapkan pada 2 hijrah.
3. Kewajipan perang (qital) ke atas orang Islam setelah ia diizinkan secara umum.
4. Pertukaran qiblat dari Baitul Maqdis ke Kaabah pada pertengahan bulan Sya'ban tahun 2 hijrah.

Pentingnya empat perkara di atas kerana pada bulan berikutnya iaitu Ramadan tahun ke 2 hijrah akan berlaku peristiwa penting yang memerlukan bekalan, persediaan dan keprihatinan terhadap isu tarbiah. Akan berlaku Ghazwah Badar Kubra iaitu pada 17 Ramadan tahun ke 2 hijrah.

Keempat-empat perkara tersebut penting untuk mempersiapkan tentera muslim yang akan memasuki pertembungan penentuan antara hak dan batil. Ia adalah 4 elemen yang disyariatkan untuk membina umat yang berjuang dan akan memenangi pertarungan ke atas umat yang lain. Umat Islam mesti memimpin, bukan dipimpin.

Di antaranya ialah puasa Ramadan yang difardhukan itu. Apa kelebihan bulan Ramadan dalam hal ini? Pada bulan Ramadan ada tiga unsur penting, iaitu **tanqiyah** (pembersihan), **tamayyuz** (keunikan) dan **tarbiah**. Jelasnya ialah membersihkan soff mukmin dari segala kekotoran, memastikan soff mukmin memiliki tamayyuz dari soff-soff yang lain dan menarbiah soff mukmin bagi melayakkan umat ini memimpin.

Ramadan bulan 'Tanqiyah'

Pada bulan Ramadan Allah menguji umat Islam agar nyata siapa yang benar-benar menjadi muslim yang tsabat. Ujian ini akan menentukan siapa yang benar dan siapa yang dusta dalam penyaksiannya. Selama sebulan penuh tanpa henti, ruang keuzuran disempitkan, umat Islam diminta beriltizam dengan perintah puasa dengan sempurna. Siapa yang menentukan ujian dan proses pembersihan ini? Allah jua yang Maha Mengetahui tentang keperluan manusia. Antaranya keluar dari adat kebiasaan. Makan, minum dan memenuhi tuntutan hawa nafsu adalah tabiat semulajadi manusia dan tertanam sejak lahir. Pada bulan Ramadan secara keseluruhan kebiasaan ini mesti berubah....kamu akan berasa lapar, dahaga dan penat, namun

kamu juga mesti bersabar. Paling mencabar ialah bagaimana untuk memperolehi hakikat puasa seperti yang Allah kehendaki seperti yang dinyatakan di dalam hadis berikut:

..”من لم يدع قول الزور والعمل به فليس لله حاجة في أن يدع طعامه شربه

Maksudnya: “Barangsiapa yang tidak meninggalkan kata dusta dan beramal dengannya, maka Allah tidak berhajat untuk dia meninggalkan makan dan minumannya”.

Ramadan adalah bulan di mana para mukmin diuji dengan detail dan halus. Pada setiap detik dan saat dia akan dinilai dengan nilai Rabbani. Mereka itu adalah orang-orang yang berpuasa sepanjang bulan Ramadan.

Ramadan bulan 'Tamayyuz'

Betapa indahnya apabila seorang muslim itu merasai dia berbeza dari orang lain. Keunikan yang dirasai itu kerana dia berpegang kepada Islam yang maha suci. Pada tahun-tahun awal di Madinah, mereka berpuasa asyura' bersama kaum Yahudi. Di masa itu puasa itu adalah wajib. Apabila puasa Ramadan diwajibkan,

Nabi s.a.w bersabda: “Siapa yang mahu dia boleh berpuasa (asyura') dan siapa yang tidak mahu dia boleh tinggalkan; jadilah puasa asyura' itu sunat.

Nah sekarang puasa Ramadan khusus untuk orang-orang Islam sahaja, maka sudah pasti ia menjadi kemuliaan. Maka kiaskan kepada semua perkara yang menuntut kita berbeza dari orang lain; cara berfikir, cara berpakaian, cara menilai, akhlak dan sebagainya.

Ramadan bulan 'Tarbiah'

Tarbiah paling menyerlah dalam bulan Ramadan. Ramadan mentarbiah kita tunduk secara mutlak kepada kehendak Allah sekalipun ia bertentangan dengan selera kita. Kepatuhan terhadap perintah Allah wajib. Allah s.w.t berfirman:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا لِمُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا

Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan apabila Allah dan RasulNya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan RasulNya maka sesungguhnya dia telah sesa dengan kesesatan yang jelas nyata. (Al-Ahzab : 36)

Sekian....

WASAIL TARBIAH DI BULAN RAMADAN

SMH, Kolumnis Jemputan

الحمد لله ، والصلاة والسلام على رسول الله محمد بن عبد الله وعلى آله وصحبه ومن والاه

Seungguhnya bulan Ramadan adalah bulan yang penuh dengan bekal untuk setiap muslim bijak, di mana dia mendapatkan sebaik-baik bekal iaitu taqwa. Sekiranya mendapatkan bekal taqwa merupakan satu kemestian kepada setiap muslim, maka ia lebih dituntut kepada para duat yang membawa kebaikan kepada manusia. Ini kerana pergerakan dakwah yang berterusan memerlukan bekal yang besar dan berterusan. Bekal inilah yang akan membantu serta menyempurnakan tanggungjawabnya di jalan dakwah. Allah s.w.t berfirman:

“... وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَىٰ”

“...Berebakkallah kamu, sesungguhnya sebaik-baik bekal itu adalah taqwa.” (Al-Baqarah : 197)

Yang paling penting dari ibadat puasa itu adalah tercapainya taqwa ini, seperti dinyatakan taqwa merupakan sebagai sebaik-baik bekal. Allah s.w.t berfirman:

” يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ”

“Wahai orang-orang yang beriman diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana ia telah diwajibkan ke atas orang-orang sebelum kamu, agar kamu bertaqwa.” (Al-Baqarah : 183)

Di antara wasail yang digunakan oleh duat di jalan dakwah demi membantunya mendapatkan bekal ini adalah melalui wasail tarbiah. Mungkin sebahagian orang menyangka, oleh kerana bulan Ramadan ini ada keistimewaannya yang tersendiri seperti suasana dan keterikatan individu, maka mungkin aktiviti pentarbiahan tidaklah begitu sesuai untuk dilaksanakan. Komentar seperti ini tidak harus diterima. Bagaimana boleh terhenti mengambil sebaik-baik bekal atau berkurangnya aktiviti tarbiah yang merupakan bekal al-akh di

jalan dakwah.

Memang benar bulan Ramadan merupakan peluang untuk berhubung dengan masyarakat, seperti jiran, teman sekerja ataupun kaum kerabat, ini penting dan sangat dituntut, namun ini tidak dapat menggantikan kepentingan program-program tarbiah yang bersesuaian dengan bulan ini di antaranya:

1. Iltizam dengan pertemuan usrah di bulan Ramadan, tidak kurang dari tiga kali sepanjang bulan. Ikhwah berusaha untuk bertemu di rumah salah seorang anggota sebelum maghrib, mereka duduk bersama-sama untuk hidangan al-Quran, melakukan tilawah, mentadabbur dan sedikit tazkirah. Kemudian membaca bersama wazifah petang dan doa Rabitah. Selepas itu mereka solat maghrib dan makan bersama. Kesempatan di antara maghrib dan isyak diambil untuk muayasyah dan merapatkan ukhuwah kerana Allah s.w.t. Berikutnya mereka pergi menunaikan solat isyak dan terawih bersama di masjid yang telah disepakati. Kemudian mereka pulang semula untuk menyempurnakan agenda usrah mereka dengan perbincangan, arahan-arahan dan menetapkan tugas-tugas. Selepas itu mereka pulang dalam keadaan sama-sama telah berjanji untuk memperbanyakkan lagi ketaatan serta menggerakkan lagi dakwah.

2. Usrah mestilah merancang sekumpulan aktiviti untuk anggotanya, antaranya:

a. Menziarahi seorang murabbi lama serta berbuka bersamanya, atau menziarahinya bertujuan untuk muayasyah dan istifadah (mengambil faedah) darinya selepas solat sunat terawih.

b. Bersepakat untuk solat subuh bersama sekali dalam bulan Ramadan, beriktikaf di masjid dengan melakukan tilawah dan zikir sehingga naik matahari, kemudian diikuti dengan solat Dhuha dan membaca dari



kita yang

memberi manfaat.

Diakhiri dengan pesanan-pesanan tertentu sebelum berpisah.

c. Menjadikan salah satu dari pertemuan usrah itu bersama ahli keluarga anggota yang terdiri dari isteri dan anak-anak mereka. Menjadikan pertemuan yang akan menguatkan lagi hubungan di kalangan keluarga anggota usrah.

d. Setiap usrah meletakkan sasaran ‘Rabtul Am’ yang baru di bulan ini. Setiap anggota usrah mestilah mendapatkan sekurang-kurangnya tiga orang baru (rabtul am), sama ada dari kalangan saudara mara, jiran, rakan sekerja atau pengunjung masjid yang berdekatan.

e. Usrah juga perlu merancang program iktikaf untuk ahli-ahlinya di sepuluh yang terakhir dari bulan Ramadan, sekurang-kurangnya sehari penuh secara berterusan (siang dan malam). Menjadikan ia peluang untuk beramal bersama-sama, saling merapatkan hubungan, bermuayasyah dan memenuhi tuntutan rukun usrah.

3. Lailah Imaniah di bulan Ramadan: Daerah merancang pelaksanaan kaitibah bulanan untuk berbagai peringkat. Ia merupakan kesempatan untuk menyampaikan beberapa konsep atau tajuk-tajuk berkaitan keimanan yang sesuai serta menyegarkan kerohanian di bulan Ramadan.

bersambung di halaman 11





PERANAN WANITA DALAM DAKWAH DAN TARBIAH DI BULAN RAMADAN

Datin Paduka Che Asmah Ibrahim, Ketua Wanita IKRAM

Alhamdulillah thumma alhamdulillah, setinggi tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadirat Allah S.w.t kerana kita sekali lagi dipertemukan dengan Ramadan al Mubarak, bulan mulia yang dilimpahi dengan keberkatan, kebaikan dan kerahmatan yang tidak ternilai ganjarannya. Allah s.w.t berfirman:

” يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ
كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ”

البقرة : 183

“ Wahai orang-orang yang beriman, telah diwajibkan keatas kamu (ibadat) puasa seperti mana ia telah diwajibkan keatas orang-orang yang terdahulu daripada kamu agar kamu bertaqwa “ (Al-Baqarah : 183)

Puasa telah diwajibkan ke atas umat Islam agar kita menjadi orang yang bertakwa. Di bulan Ramadan kita melakukan ibadah wajib di siang hari dengan menahan diri daripada melakukan perkara tertentu, termasuk makan, minum dan hubungan kelamin. Hakikatnya kita dilatih menghambakan diri kepada Allah S.w.t dengan meninggalkan larangan-Nya kerana tunduk dan patuh kepada perintah Allah S.w.t semata-mata. Kita sebenarnya sedang ditarbiah dan dididik untuk kembali kepada fitrah yang asal iaitu fitrah ingin mengabdikan dan melaksanakan ketundukkan yang total kepada Allah ‘Azza wa Jalla bagi

mencapai ketakwaan yang sebenar. Allah s.w.t berfirman:

” وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا
السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ”

“Dan bersegeralah kamu mencari ampunan dari Tuhanmu dan mendapat syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan bagi orang-orang yang bertakwa” (Ali Imran: 133)

Istimewanya ganjaran puasa ini adalah seperti yang disabda Rasulullah s.a.w :

“ Setiap amal kebaikan anak Bani Adam pahalanya (dicatat oleh malaikat) kecuali puasa. Sesungguhnya ia adalah untuk-KU dan AKUlah yang memberi pahala puasanya” (Diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam Shahih al-Bukhari)

Namun demikian, kita amat bimbang sekiranya puasa kita sia-sia seperti yang digambarkan oleh Rasulullah s.a.w “Berapa ramai orang yang berpuasa tetapi tidak mendapat apa-apa daripada puasanya kecuali lapar dan berapa ramai orang yang beribadat malam yang tidak mendapat apa-apa daripada ibadatnya kecuali berjaga malam” (Riwayat Ibnu Majah, An-Nasai, Ibnu Khuzaimah dan lain-lain. Menurut As-Suyuthi, bertaraf sahih)

Hakikatnya Ramadan ini dihadiahkan Allah S.w.t kepada kita agar kita menjadi umat terbaik yang akan

memimpin bangsa manusia ke arah kebaikan, mengabdikan dan melaksanakan ketundukan secara mutlak kepada Allah ‘Azza wa Jalla.

Kaum wanita mempunyai peranan yang besar untuk mempengaruhi ahli keluarga dan orang sekeliling untuk meraih segala kebaikan dan tujuan bulan Ramadan ini. Seorang isteri dan ibu berperanan menghidupkan roh Ramadan dalam rumahtangga mereka. Mari kita mulakan melalui langkah-langkah berikut:

1. Bermulalah dengan diri sendiri, merebut peluang keemasan meningkatkan amal ibadah. Berpuasalah dalam semua aspek iaitu bukan sahaja menahan lapar dan dahaga tetapi juga berpuasa semua anggota badan mata, telinga, lidah, kaki tangan dan hati dari melakukan perkara yang ditegah. Perubahan yang bermula dari dalaman dan penyucian hati ini akan memudahkan kita untuk melakukan peranan seterusnya.
2. Doronglah suami untuk sama-sama melaksanakan ketaatan kepada Allah. Tingkatkan kecerdasan mengendalikan emosi kita supaya dengannya kita boleh membina dan mengukuhkan hubungan dengan pasangan kita.
3. Didiklah anak-anak dengan penuh kasih sayang agar mereka bergembira mengalu-alukan Ramadan dan seterusnya mempunyai semangat yang berkobar-kobar menjalankan semua ibadah dalam bulan Ramadan.
4. Persiapkanlah rumah dan persekitaran kita lebih awal untuk menunggu kehadiran Ramadan. Persiapan awal ini penting agar kita dapat menumpukan sepenuh



RAMADAN ~ SUNNAH DAN KELEBIHANNYA

Ustazah Maznah Daud, Mantan Ketua Wanita IKRAM



Ramadan adalah satu bulan yang penuh dengan kelebihan yang tidak terungkapkan. Di dalam sepotong hadis, Rasulullah s.a.w. bersabda

Maksudnya: “Telah datang kepada kamu Ramadan, bulan barakah yang dicurahkan Allah ke atas kamu. Dia menurunkan rahmah, menghapuskan dosa dan memakbulkan doa. Allah melihat kepada kamu yang berlumba-lumba (melakukan kebaikan) di bulan Ramadan dan Dia berbangga di hadapan malaikat-Nya. Maka perlihatkanlah kepada Allah dirimu yang baik. Sesungguhnya orang yang celaka itu ialah orang yang dihalang daripada mendapat rahmah-Nya di bulan Ramadan”. Riwayat al-Munziri daripada Ubadah bin as-Samit.

Justeru, kita dapati keadaan Rasulullah s.a.w. berbeza daripada bulan-bulan yang lain. Kehidupan baginda sepanjang Ramadan dipenuhi dengan amalan-amalan soleh yang mendekatkan lagi darjat baginda di sisi Allah ‘Azza wa Jalla.

Sepanjang Ramadan, Jibril mengunjungi baginda untuk tadarus al-Quran. Ketika bertemu dengan Jibril baginda menjadi insan yang sangat pemurah meskipun pada waktu-waktu lain baginda memang insan yang pemurah. Pantas dan menyeluruhnya sedekah yang baginda curahkan lebih daripada angin yang bertiup laju.

Baginda mengkhususkan ibadah-ibadah tertentu pada bulan Ramadan seperti qiamullail dan iktikaf pada sepuluh malam terakhir. Kadang-kadang baginda menyambung puasanya dua atau tiga hari tanpa berbuka. Namun begitu, baginda melarang sahabat melakukannya. Baginda berkata kepada mereka: “Sesungguhnya aku tidak seperti kamu. Sewaktu aku

tidur di malam hari, Tuhanku memberikan aku makan dan minum.” Muttafaq ‘alaih.

Baginda menggalakkan umatnya bersahur kerana pada sahur itu ada barakah. Baginda juga menggalakkan agar menyegerakan berbuka. Sebaik-sebaik makanan ketika berbuka adalah rutob.

Ketika berbuka, baginda berdoa untuk kebaikan dunia dan akhirat. Ibadah yang baginda lakukan ketika Ramadan, bukan hanya tertumpu kepada solat, tilawah, zikir dan sedekah yang mana untuk melakukan ibadah-ibadah tersebut kita perlu melawan musuh yang berada di dalam diri kita sendiri, iaitu hawa nafsu. Malah baginda juga berjihad mengharungi medan perang menentang musuh yang nyata, kaum kuffar dan munafiqin. Buktinya beberapa peperangan besar berlaku pada bulan Ramadan seperti Badar al-Kubra dan Fathu Makkah.

Maka dapatlah kita katakan bahawa Ramadan adalah bulan jihad. Jihad melawan musuh, dalaman dan luaran.



perhatian untuk beramal ibadah.

5. Jaga kesihatan ahli keluarga dengan menyediakan makanan yang halal dan baik. Apabila ahli keluarga sihat ibadah dapat disempurnakan dengan baik. Elakkan pembaziran dari penyediaan makanan yang berlebih-lebihan.
6. Mainkan peranan sebagai anggota masyarakat untuk menghidup suburkan Ramadan sebagai bulan Ilmu, bulan infak dan bulan jihad dengan

aktiviti pembangunan masyarakat. Rebutlah segala peluang yang ada di samping wujudkan peluang sama ada di rumah, pejabat atau di kawasan persekitaran setempat untuk menyampaikan dakwah dan mengajak masyarakat melaksanakan segala bentuk kebaikan sebanyak mungkin dengan menghidupkan Ramadan.

7. Tabung Ramadan yang kita wujudkan di peringkat rumah kita bukan saja kita boleh disumbangkan ke-

pada fakir miskin dan anak yatim di kariah kita, malah boleh disumbangkan kepada masyarakat antarabangsa yang memerlukan seperti di Palestin, Syria, Rohingya dan lain-lain.

Semoga kita semua beroleh keberuntungan menjadi graduan madrasah Ramadan kali ini yang akan memimpin umat manusia ke arah kejayaan sejagat.



CAHAYA KETAQWAAN DAN KASIH SAYANG BAITUL MUSLIM

Kamaliah Noordin, Ahli JKP



Ummum memahami bahawa Ramadan ialah satu bulan yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t kepada hambaNya yang berniat untuk lebih mendekati diri kepada Penciptanya. Dijanjikan dengan pahala berganda untuk setiap amal, dari sekecilnya hinggalah sebesarnnya. Ramai yang menunggu bulan ini untuk mengejar ‘bonus’ pahala. Namun yang lebih penting sebenarnya adalah bulan untuk kita membuat refleksi ketaqwaan diri. Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud :

“ Allah berfirman, setiap kebaikan, sepuluh sampai tujuh ratus kali ganda balasannya, kecuali puasa. Sesungguhnya, puasa itu untukKu dan Akulah yang akan membalasnya.”

Iman al Ghazali menghuraikan bahawa hal ini adalah kerana ibadah puasa merupakan ibadah rahsia dan hanya Allah yang mengetahuinya. Justerunya adalah satu kaedah yang sangat baik untuk meningkatkan ketaqwaan dan keikhlasan. Sehubungan itu juga kita menghidupkan malam dibulan ini dengan solat dan amalan yang menghubungkan kita terus dengan Allah s.w.t. Maka akan timbul rasa kekerdilan diri dihadapannya, timbul keinsafan diatas segala keangkuhan dan kealpaan terhadap tanggungjawab yang diamanahkan. Maka keinsafan ini akan mendorong kita menangis, merintih dan bertaubat kepadanya.

Dalam suasana yang begitu, muhasabahlah diri tentang amanah utama iaitu pelaksanaan tanggungjawab kepada keluarga. Terhadap ayah dan ibu kita, adakah boleh kita berdiri didepan Allah s.w.t dengan tenang dan menyatakan “Ya, aku tidak pernah bermasam muka, apa lagi mengatakan ‘ah’ kepada ibubapaku, walaupun hatiku pedih terhiris dengan kata-katanya. Dalam makan dan pakaiku, sentiasa ada untuk ibubapaku. Dalam keselesaanku, tidak aku lupa ke-selesaian ibubapaku”. Jika tidak, maka

bertaubatlah dan memohon keampunan dari mereka. Curahkan kasih sayang dan penuh segala keperluan kehidupan mereka semampunya, disamping tidak putus mendoakan mereka. Bagaimana pula dengan suasana keluarga kita sendiri? Adakah diselubungi cahaya kasih sayang dan saling memahami? Firman yang bermaksud:

“Dan Allah menjadikan bagi kamu pasangan(suami /isteri) dari jenismu sendiri, dan dijadikan bagimu dari pasanganmu keturunan, serta memberikan kamu rezeki dari yang baik. Mengapa mereka beriman dengan yang bathil dan mengingkari nikmat Allah? (AnNahl:72)

Pada bulan yang diberkati ini, mohonlah ampun kepada Allah s.w.t jika selama ini kita kurang mensyukuri nikmat Allah ini. Betapa besar anugerah ini disisi Allah s.w.t, sehingga disebut secara khusus di dalam al-Quran. Hidupkan rasa syukur ini dan zahirkanlah dalam bentuk-bentuk yang diredhaiNya. Pada malam yang didirikan untuk meraih keredhaan Allah, ambillah sedikit masa untuk refleksi perjalanan dan hubungan kekeluargaan selama ini. Adakah ada saling membantu ke arah keimanan? Adakah masih segar cinta kasih sayang yang dikatakan diasaskan kepada ketaqwaan itu? Jika sudah layu, adakah disebabkan ketaqwaan dan keikhlasan kita juga sudah menurun. Jika begitu, segeralah ambil langkah-langkah untuk menyuburkan kembali taqwa dan kasih sayang antara ahli keluarga. Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud :

“Khazanah yang paling berharga adalah mengingati Allah, hati yang bersyukur dan isteri yang beriman yang menolongnya di dalam keimanannya” (Riwayat Ahmad & Ibn Majah)

Rasulullah telah berpesan, “Satu dinar yang engkau belanjakan fisabilillah dan satu dinar engkau belanja-

kan untuk memerdekakan hamba dan satu dinar yang engkau sedekahkan kepada seorang miskin dan satu dinar yang engkau belanjakan untuk isterimu, maka di antara itu, yang paling besar pahalanya ialah yang engkau belanjakan atas isterimu”. (H.R.Muslim)

Sentiasalah mengingatkan anak-anak tentang peluang keemasan untuk beramal, baik amalan sunat fardhi atau berlaku baik sesama ahli keluarga. Jika ada yang sudah renggang, inilah masa terbaik untuk merapatkan kembali. Berlaku ihsanlah kepada anak-anak walaupun kita berlumba melakukan kebajikan kepada orang lain. Penuhi keperluan mereka mengikut kemampuan agar mereka merasai kasih sayang dan sikap ambil berat ibubapa. Perkara ini sangat penting untuk ibubapa mendapat thiqah serta kasih sayang mereka, serta terus dapat mempengaruhi perjalanan hidup mereka. Akhirnya kita akur bahawa segalanya berlaku dengan qudrat dan iradah Allah s.w.t. Namun ingatlah sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud,

“Tiga jenis doa yang mustajab yang tidak diragukan keajaibannya adalah doa orang tua untuk anaknya, doa orang musafir dan doa orang yang dizalimi.” (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Perbanyakkanlah doa pada bulan ini untuk masa depan keluarga, juga ummat. Sesungguhnya doa itu satu ibadah dan dianggap sebagai menyombong diri jika tidak melakukannya.

“ Tuhanmu berkata: Berdoalah kepadaKu, nescaya aku perkenankan. Sesungguhnya orang yang menyombong diri dari menyembahKu, kelak masuk ke neraka jahanam dalam keadaan hina. ” (Al Mukmin: 60)

PUASA DAN KESIHATAN



Dr Azizah Mohd Radzi,
Musyrifah



Sebagaimana umum mengetahui banyak sekali manfaat puasa terhadap pembinaan rohani seorang muslim, tetapi jangan pula lupa bahawa terdapat juga kesempatan pembinaan jasmani. Namun, manfaat jasmani ini hanya akan diperolehi sekiranya kita benar-benar mengikut segala sunnah yang berkaitan dengan kesihatan sepanjang berpuasa. Seorang daei sangat memerlukan tubuh badan yang sihat agar mampu bergerak dengan lebih aktif dalam dakwah. Allah telah menyediakan bulan Ramadan penuh berkah sebagai medan untuk membina kekuatan ini.

Iftar dan Sahur

Di bulan Ramadan terdapat dua hidangan asas, iaitu ifthar dan sahur. Tidaklah bermaksud memberikan perhatian terhadap kepelbagaian dan harga makanan, tetapi kualiti pada nutrisi makanan itulah yang seharusnya diutamakan.

Rasulullah telah bersabda ““Seseorang akan selalu berada di dalam kebaikan selama mana ia menyegerakan berbuka puasa” (HR Bukhari)

Sabda baginda juga “Jika seseorang di antara kalian berbuka, berbukalah dengan kurma kerana ia mengandung barakah. Jika tidak mendapatkannya, berbukalah dengan air kerana air itu suci” (Tirmidzi).

Kurma mengandungi karbohidrat ringkas yang mudah diserap ke dalam badan dan memberikan tenaga seharian berpuasa. Kurma mempunyai 3.9% serat, 2.5% protein terutama triptofan yang dikatakan boleh menenangkan perasaan, 2.1% zat seperti zat besi, kalsium, Vit A, Vit B1, B2, B6 dan B12. Ia adalah makanan ‘low fat and high fibre’ yang baik untuk kesihatan.

Sahur pula merupakan hidangan kedua, dan Rasulullah s.a.w telah bersabda “makan sahur itu berkat, jangan-

lah engkau tinggalkan walaupun hanya meminum seteguk air, kerana Allah dan para malaikatNya berselawat kepada orang yang sahur” (Ahmad). Sunnah dilewatkan kerana dapat memberikan kesegaran badan sehingga menjalankan tugas seharian tanpa merasa letih.

Kerehatan

Puasa merehatkan perut kerana aktiviti pencernaan perut telah dikurangkan. Al-Hasan Al-Bashri rahimahullah: “Wahai Bani Adam, makanlah sepertiga perutmu, minumlah sepertiga perutmu dan biarkan sepertiga untuk bernafas dan berfikir.” Kewajipan puasa Ramadan dapat melatih seorang daie untuk meneruskan aktiviti dakwahnya, meskipun dalam keadaan lapar.

Detoksifikasi



Ketiga, Kesihatan yang baik bermula dengan proses ‘detoksifikasi’. Ia merupakan satu proses untuk menyingkirkan sisa racun (yang masuk ke dalam badan melalui makanan tercemar atau makanan yang mengandungi bahan tambahan) lalu membersihkan sistem dalaman tubuh. Proses ini dapat mengurangkan tahap toksin yang boleh mengundang pelbagai penyakit berbahaya.

Berat Badan

Puasa mampu menjadi wasilah untuk

menurunkan berat badan. Berat badan berlebihan mengundang pelbagai penyakit seperti diabetes, strok, darah tinggi, serangan jantung dan masalah pernafasan. Ini berpunca daripada lambakan lemak sedangkan perut yang kosong sepanjang berpuasa akan membantu tubuh untuk memecahkan lemak tersebut bagi menghasilkan tenaga setelah glukosa badan telah habis dicernakan pada empat jam pertama selepas sahur. Berat badan yang ideal dan seimbang akan meningkat vitaliti badan untuk melakukan pergerakan.

Lailatul Qadar



Allah telah memberikan beberapa anugerah dalam bulan Ramadan; malam lailatul qadar (fadhilahnya lebih baik daripada seribu bulan), qiyamulail berterusan, solat sunat terawih dan iktikaf pada sepuluh malam terakhir. Semua aktiviti ini memerlukan kekuatan jasmani yang berpanjangan. Oleh itu, ia sentiasa memerhatikan makanan dan pola kehidupannya pada bulan ini.

Sabda Rasulullah s.a.w “Mukmin yang kuat lebih dikasihi Allah berbanding mukmin yang lemah”.

Jalan dakwah sangat panjang dan berat bebannya, menuntut seorang daie mencurah sehabis kemampuan untuk meraih cita-cita yang tinggi. Di samping membina kekuatan spiritual, dia tidak akan abaikan kesempatan Ramadan untuk mendapatkan kesihatan dan kekuatan jasmani. Marilah kita pohon kepada Allah agar dipermudahkan jalan untuk mendapatkan bekalan ini.



SENTUHAN AL-QURAN DI BULAN RAMADAN

Ustaz Abd Muhaimin Mohammad Shahar, Konsultan JK Tarbiah Pusat IKRAM

Bulan Ramadan tidak seperti bulan biasa, ia merupakan bulan al-Quran, bulan istighfar, bulan berdoa dan ibadah, bulan taat dan sabar, bulan rahmat dan pelepasan dari api neraka. Siang hari di bulan Ramadan adalah seafdhal-afdhal siang, malamnya seafdhal-afdhal malam, setiap detiknyalah seafdhal-afdhal detik.

Ikhwah dan akahawat yang dikasihi, kebaikan yang banyak sebenarnya apabila hidup kita sentiasa bertemankan al-Quran, apabila bertambah kuat pegangan kita pada al-Quran sama ada melalui bacaan, hafazan dan tadabbur maka bertambahlah kebaikan dalam kehidupan. Abdullah bin Amr bin al-‘As berkata: “Hendaklah kamu berpegang dengan al-Quran, pelajarilah dan ajarkanlah anak-anak kamu, sesungguhnya kamu akan akan disoal mengenai al-Quran, dan dengan al-Quran juga kamu diberi ganjaran. Cukuplah al-Quran sebagai pemberi peringatan bagi orang yang berakal.”

Dusturuna Al-Quran, adalah syiar dakwah kita, oleh marilah kita mengambil berat di bulan nuzulnya kalam Allah s.w.t ini untuk memperbaiki bacaan al-Quran dengan mempelajari ilmu tajwid, dan membaca kitab-tafsir tafsir dengan mentadabbur makna dan maksud dari firman Allah s.w.t Yang Maha Agung itu.

Marilah kita memperbaharui kesetiaan kita dengan al-Quran dan menjadikannya rujukan utama untuk kebahagiaan kita di dunia dan akhirat.

Bacalah mengikut kaedah tajwid dan lagukanlah bacaan itu supaya ia memberi kesan kepada jiwa serta bacalah dengan tartil, hati yang hidup dan nada yang sayu. Kerana al-Quran itu turun dalam suasana perjuangan yang penuh dengan celaan, kata nista, perpisahan, pengorbanan, kematian, ketakutan dan

harapan.

Bacalah al-Quran dengan tadabbur serta memberikan tidak balas kerohanian dengan fikiran dan kalbu.

Apabila sampai kepada ayat berkaitan neraka berhentilah sejenak dan bayangkan alangkah terseksanya kita jika amal kita tidak diterima oleh Allah s.w.t dan dosa kita pula tidak diampunkan kerana kecuaiannya kita lalu kita memohon kepada Allah s.w.t agar diberi keampunan serta dijauhi dari azabNya.

Apabila kita sampai pula kepada ayat-ayat berkaitan syurga dan nikmat-nikmatnya, maka berhentilah sejenak dan timbulkanlah perasaan betapa ruginya kita jika tidak dapat bersama para Nabi dan rasul, para syuhada dan solihin dalam syurga yang penuh kenikmatan, kekal lagi abadi, maka kita pun berdoa dengan penuh harapan agar Allah s.w.t melihat kita dengan rahmat dan belas kasihan sehingga menerima ibadah kita, mengampuni dosa-dosa kita dan memasukkan kita ke dalam syurgaNya yang abadi itu.

Apabila bertemu pula dengan ayat-ayat yang mencela sifat-sifat buruk orang-orang yang kafir munafik dan sebagainya, maka hendaklah kita muhasabah diri kita sendiri, mungkin sifat-sifat itu juga masih ada dalam diri kita, lalu kita berazam untuk membersihkan diri darinya.

Apabila kita bertemu dengan puji-pujian Allah s.w.t terhadap golongan mukminin, mujahidin, solihin dan sifat-sifat mereka yang terpuji, maka kita berbisik kepada hati kita, “Adakah kau telah memiliki sifat-sifat yang mulia itu?” atau Adakah kau telah melaksanakannya sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah s.w.t. Alangkah ruginya engkau mesia-siakan umur yang singkat di dunia ini.

Apabila sampai pula ke kisah umat terdahulu yang derhaka lalu mereka dibinasakan dan para Nabi, akan tetapi Rasul dan para mukminin pula mendapat nusrah dari Allah s.w.t serta kemenangan, maka kita sematkan keyakinan di hati kita bahawa kebatilan pasti akan kalah dan al-haq pula pasti mendapat kemenangan. Sebagai duat tugas kita adalah menyambung tugas mulia para Anbia alaihimussalam.

Apabila sampai pula kepada ayat-ayat yang menceritakan tentang kehebatan qudrat Allah s.w.t dan kebijaksanaanNya dalam penciptaan makhluk, seperti langit, bumi, matahari, bulan, bintang, haiwan, tumbuhan, lautan, daratan, bukit bukau, gunung ganang dan lain-lain lagi, maka lahirkanlah di hati rasa kagum kepada sifat-sifat Allah s.w.t yang akhirnya melahirkan rasa beriman, yakin, syukur, rindu, berserah ataupun tawakkal dan berazam ingin menjadi hambaNya tunduk patuh dengan redha dan ikhlas.

Apabila kita sampai pula kepada ayat berkaitan betapa dahsyatnya peristiwa hari Kiamat dengan kehancuran dunia dan binasanya alam dan semua penghuninya, maka lahirkanlah di hati keyakinan bahawa kenikmatan dunia dan kelazatannya hanyalah seketika. Oleh itu, kita tidak boleh terus lupa dan lalai dengan khayalannya sehingga mensia-siakan kehidupan yang singkat ini untuk melayan segala kehendak hawa nafsu semata-mata.

Apabila sampai pula kepada ayat tentang hukum-hukum, perjuangan, dakwah dan peranan umat ini sebagai umat yang membawa syahadatul haq, maka kita lahirkan semangat kita kembali, kita perbaharui azam, tekad dan janji untuk terus thabat di atas jalan dakwah ini, Insya Allah.

Begitulah seterusnya, di mana

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ
وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ

“Katakanlah(wahai Muhammad): “Jika kamu mencintai Allah, maka ikutilah aku, nescaya Allah akan mencintai kamu, dan mengampuni kamu akan dosa-dosa kamu. Dan Allah Maha Mengampuni lagi Maha Mengasihani”.
(Ali Imran : 31)

Seharusnya amal kita dijuruskan kepada perkara ini sebenarnya. Contohnya, jika kita memikirkan kebaikan mengajar Al-Quran, Nabi s.a.w pernah bersabda:

“Yang terbaik di kalangan kamu ialah yang belajar Al Quran dan mengajarkannya” (Riwayat Bukhari)

Ini sebenarnya berkait terus dengan dakwah, kerana jika anda mengajarkan Al Quran kepada kalangan yang tidak mengetahuinya, apabila mereka tahu, mereka akan mengajar pula isteri, suami, anak-anak mereka. Betapa besarnya pahala orang yang mengajar Al Quran. Bayangkan besarnya pahala mengajar Al Quran kepada yang belum Islam sehingga mereka memeluk Islam dan meneruskan mengajarkan Al Quran kepada keturunannya dan masyarakatnya. Inilah pahala berganda yang tidak ada ganjarannya yang mencukupi untuk di balas di dunia ini melainkan disisi Allah dia akhirat kelak. Terlalu banyak sebab mengapa kita perlu berdakwah kepada yang belum, ini hanya sebahagian darinya. Marilah berdakwah kepada yang belum Islam.

Dan juga apa yang diungkapkan oleh Imam Hassan Al-Basri, ketika ditanya:

مَا بَالُ الْمُتَهَجِّدِينَ بِاللَّيْلِ مِنْ أَحْسَنِ النَّاسِ وَجُوهًا ؟ قَالَ: لِأَنَّهُمْ
خَلُّوا بِالرَّحْمَنِ فَأَلْبَسَهُمْ نُورًا مِنْ نُورِهِ

(Mengapakah orang yang banyak bertahajud di waktu malam itu mempunyai wajah-wajah yang begitu berseri dan indah. Jawabnya: Kerana mereka itu adalah orang-orang yang bersunyi diri dengan Allah lantas Allah memakaikan kepada mereka cahaya yang datang dari pihakNya).

Benar sekali, kesan dari ibadat yang baik, qiam dan tahajud, zikir dan tilawah, istiqamah dalam mencari redha Allah akan menjadikan hati dan jiwa pemiliknya bercahaya dan apabila cahaya itu melimpah ruah, ia akan memantulkan sinarnya pada wajah-wajah pemiliknya.

Kepada Allah kita memohon semoga Allah memberikan kekuatan dan kesungguhan untuk menjadikan Ramadan tahun ini ruang dan kesempatan yang benar- benar bermakna untuk kita menghayati makna ibadah dan mujahadah yang sebenar. Mudah-mudahan juga kita termasuk di dalam golongan yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w.:

مَنْ قَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Sekian. Kullum Aamin Wa Antum Bikhair
5 Julai 2014/ 7 Ramadan 1435

**Jawatankuasa Tarbiyah Pusat
mengucapkan Selamat Menjalani
Ibadah Puasa dan mengucapkan
Salam Eidulfitri kepada seluruh
warga IKRAM**

dari halaman 5

usaha, fikiran dan jiwa kita terfokus kepada al-Quran. Demikianlah golongan salaf tedahulu amat mengambil berat terhadap al-Quran sehingga ada riwayat yang menceritakan bahawa Imam Malik memberhentikan pengajian hadith dan golongan ilmuan di bulan Ramadan dan memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap al-Quran. Begitu juga dengan Sufian al-Thauri, di mana beliau mengurangkan solat nawafil di bulan Ramadan dan memberikan tumpuan kepada pembacaan al-Quran. Ada yang mengkhataamkan al-Quran dalam tempoh tiga hari bahkan ada yang mengkhataamkan al-Quran semalaman.

Semoga Allah s.w.t sentiasa memberikan kita taufik dan menjadikan kita ahli al-Quran dan mendapat taqwa pada Ramadan kali ini. Amiin !!!

Di waktu yang sama memenuhi tuntutan manhaj dari aspek keimanan dan ibadat. Kebiasaannya diasingkan mengikut marhalah, (1 dan 2) dan (3,4 dan 5). Program bermula sebelum maghrib dengan masa yang mencukupi dan berakhir selepas terbit matahari keesokan harinya. Program untuk peringkat (3,4 dan 5) keseluruhannya bersifat dalaman di mana mereka bersolat terawih dan tahajud bersama-sama di tempat yang ditentukan. Adapun untuk peringkat (1 dan 2), maka boleh dimulakan di tempat khusus kemudian disempurnakan selepas solah isyak di salah sebuah masjid.

Kita akhiri dengan memperingatkan bahawa peluang untuk tarbiyah serta

mensucikan diri di bulan Ramadan ini amatlah besar. Oleh itu, wahai ikhwah yang dikasihi janganlah melepaskan peluang ini untuk melakukan peningkatan. Hendaklah ikhwah menyinsing lengan di bulan yang penuh dengan kelebihan iaitu bulan al-Quran, zikir, doa, pengorbanan, jihad serta kemenangan-kemenangan.

Kita memohon agar Allah s.w.t memenangkan dakwah kita, mengurniakan kita ketaatan yang terbaik, serta niat yang sempurna, dan menjadikan kita golongan yang dimerdekakan dari api neraka, dan di kalangan golongan yang diterima di bulan yang mulia ini.

والحمد لله رب العالمين



RAMADAN BULAN DAKWAH

Hj Nicholas Sylvester, Pengerusi Hidayah Centre Foundation

Mari melihat Ramadan dari perspektif dakwah. Di antara pencapaian terpenting Nabi s.a.w di bulan Ramadan ialah kemenangan di medan jihad fisabilillah. Pada masa perang jihad qital, pada masa aman jihad berdakwah di jalan Allah s.w.t. Firman Allah s.w.t

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ الْمُسْلِمِينَ

Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang salih, sambil berkata: “Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah!)” (Al Fushilat : 33)

Kesedaran berdakwah kepada yang belum Islam masih rendah di Malaysia. Hatta di kalangan pendakwah masih kurang melakukan dakwah kepada yang belum Islam. Oleh itu mari semarakkan Ramadan dengan jihad berdakwah dijalanNya. Dengan kemenangan jihad dakwah ramai yang akan memeluk Islam. Di Kuwait Islamic Representation Committee mencatatkan pengislaman seramai 54 orang pada hari pertama Ramadan. Ini menunjukkan amalan mereka yang bersungguh-sungguh menepati arahan Allah S.w.t di atas.

Rasulullah s.a.w mengatakan kepada Saidina Ali bahawa “sekiranya seorang memeluk Islam lantaran dari usaha mu itu lebih baik dari segala dunia ini dan segala isi-isinya”. Rasulullah s.a.w sentiasa menyampaikan dan berusaha menarik semua manusia di keliling baginda sehingga semuanya memeluk Islam. Hakikatnya baginda Rasulullah s.a.w meninggalkan dunia ini dengan semua manusia dikeliling baginda telah memeluk agama Islam. Bermula dengan hanya diri baginda s.a.w, berakhir dengan tidak ada lagi orang bukan Islam di Mekah dan Madinah. Sehingga kini tidak ada bukan Islam di Mekah dan Madinah kerana telah diperintahkan bahawa kedua tanah suci ini haram dimasuki oleh orang bukan Islam.

Sejarah menunjukkan bahawa semua orang yang dapat dicapai oleh Rasulullah s.a.w telah dicapai dengan mesej Islam oeh baginda dan para sahabat. Yang dekat di santuni dan disampaikan terus risalah Islam kepada mereka, yang jauh seperti Najasyi, Heraclius, Kisra, hatta di Negara Cina di hantar utusan kepada mereka oleh Rasulullah s.a.w dan para sahabat.

Kesedaran berdakwah kepada yang belum Islam ini sebenarnya seharusnya timbul dari kecintaan kita kepada Allah s.w.t. Ini kerana jika kita cinta Allah s.w.t, maka kita pasti cinta kepada Rasulullah s.a.w. Allah s.w.t telah berfirman:

MEMOIR SEORANG MUWARITH (3)



Dr Zawawi Ali

Sempena kedatangan Ramadan al-Mubarak, penulis ingin merakamkan suatu pengalaman yang tidak dapat dilupakan sepanjang berada dalam usaha tarbiah dan bermuayasyah di Mesir, bersama-sama dengan ikhwah sama-dari Malaysia ataupun lainnya.

Ramadan tahun 1976, beberapa bulan sebelum berangkat pulang ke tanahair, aku telah diajak untuk menghadiri majlis iftar yang diadakan di sebuah apartment di kejiranan Masakin Othman. Ini adalah majlis iftar pertama aku dijemput hadir yang menggabungkan sebahagian ikhwah dari negara Arab yang berada dalam takungan tarbiah pada masa itu. Sudah kulupai siapa di kalangan ikhwah Malaysia yang sama-sama hadir ke majlis tersebut. Yang pasti, murabbi kami Dr Laith Saud sama-sama hadir dalam majlis tersebut.

Majlis dimulakan dengan taaruf. Masing-masing memperkenalkan diri, bidang pengajian dan negara asal. Kemudian majlis diteruskan dengan penyampaian tazkirah oleh seorang masyayikh yang sudah kulupai namanya, tetapi beliau seorang yang telah hilang penglihatan matanya.

Ada sekitar dua puluh lima orang yang telah hadir dalam majlis iftar tersebut, antaranya Dr Hammam Said (kini Muraqib Am Jordan). Ketika itu beliau sedang menyiapkan tesis PhDnya dalam bidang syariah di Universiti Al-Azhar. Sepanjang majlis berlangsung, dapat kupastikan beliau adalah di antara orang penting dalam usaha dakwah di kalangan wafidin (pelajar luar dari Mesir) pada masa itu.

Ketika tiba saat iftar, kami dihidangkan dengan maqlubah (sejenis nasi Arab berlauk daging yang diterbalikkan isinya ke dalam talam). Buat kali pertama aku makan di dulang sebagaimana juga kali pertama buatku menjamah nasi maqlubah yang kemudiannya menjadi kegemaranku sehingga kini.

Suatu yang sangat menarik dan begitu mengaspirasikan ialah apabila aku merenung wajah-wajah yang ada di hadapan dan sekelilingku ketika itu ialah kejernihan dan kebersihan wajah mereka. Malah ada di antara mereka yang mempunyai pandangan mata yang sangat tajam yang tidak dapat kulupakan sehingga kini. Berhadapan dengan fenomena ini, aku teringat apa yang diungkapkan oleh Imam as-Syahid Hassan al-Banna dalam usul 20:

وللإيمان الصادق والعبادة الصحيحة والمجاهدة نور وحلاوة يقذفها الله في قلب من يشاء من عباده

“Dan bagi iman yang benar dan ibadat yang sahih (sah di sisi Allah) serta mujahadah terdapat nur dan kemanisan yang dicampakkan oleh Allah ke dalam hati di kalangan hambaNya”